

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

Program Khidmat Masyarakat UiTM Perak Semarakkan Semangat Pendidikan di Sekolah Orang Asli

SINERGI

15/11/2025 / SYAHMIMI AYUNI RAMLI



Langkap, 25 Oktober 2025 – Seramai 30 warga Jabatan Alam Bina dan Teknologi (JABT), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar telah menjayakan Program Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Baharu Redang Ponggor (SKKBRP), Langkap, Perak pada 25 Oktober 2025.

Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti luar bandar di samping memberi pendedahan kepada pelajar serta pensyarah mengenai aplikasi ilmu secara praktikal melalui aktiviti berbentuk komuniti dan pengindahan sekolah. Inisiatif ini juga selaras dengan komitmen UiTM dalam melaksanakan **University Social Responsibility (USR)** bagi mendekatkan institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat setempat.



Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk projek melukis dan mengecat mural, gotong-royong

pengindahan kawasan sekolah, serta program interaktif bersama pelajar dan penduduk kampung seperti taklimat akademik, sukaneka, dan sesi kaunseling kerjaya. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan kolaborasi erat antara pensyarah, pelajar, alumni UiTM serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKKBRP.

Menurut **Pengarah Projek, Dr. Muhamad Ferdhaus bin Sazali**, program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tempatan, tetapi turut membuka ruang kepada pelajar UiTM untuk mempraktikkan kemahiran teknikal, pengurusan projek, dan nilai kepimpinan melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar. Beliau menambah bahawa sekolah ini merupakan institusi pendidikan luar bandar yang majoriti pelajarannya terdiri daripada komuniti orang asli. Justeru, inisiatif ini diharap dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar untuk terus cemerlang dalam pelajaran serta menanam minat terhadap bidang akademik.

Program sehari ini turut diserikan dengan sesi penyampaian sijil penghargaan serta sumbangan barangan kepada pihak sekolah dan PIBG. UiTM berharap usaha sebegini dapat diteruskan secara berterusan sebagai pemangkin kepada pembangunan komuniti dan pendidikan inklusif di kawasan luar bandar.



Tags: [Fakulti Alam Bina \(FAB\)](#),
[Sekolah Kebangsaan \(SK\) Kampung Baharu Redang Ponggor \(SKKBRP\)](#),
[UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Kerjasama UiTM dan Sekolah
Rendah Jayakan Program MINI
STEM 3.0 di Pulau Pinang

UiTM Perkukuh Jaringan Akademik
Antarabangsa Melalui International
Mathematics Expedition (IME) 2025

QUICK
LINKS

HUBUNGI
KAMI



Academic Calendar (UiTM)
Intake Calendar 40450 Shah Alam, Selangor
Graduate Quick Search Darul Ehsan
Library Malaysia
UiTM Holdings Tel: +603-5544 2051 / 2000
WiFi UiTM
E-Complaint